

07/04/2005

Mahathir-Peniaga

DR MAHATHIR NASIHAT PENIAGA MELAYU PANDAI BAYAR HUTANG

KUALA LUMPUR, 7 April (Bernama) -- Tun Dr Mahathir Mohamad mahu orang Melayu menjadi bangsa yang pandai membayar hutang demi menjaga maruah mereka dan agar sentiasa mendapatkan kepercayaan orang lain.

Bekas Perdana Menteri itu berkata sekiranya mereka tidak membayar hutang bank umpamanya, orang Melayu lain pula akan menjadi mangsa sukar mendapat pinjaman bank.

"Banyak bank yang bertanya sama ada yang mahu meminjam daripada mereka itu orang Melayu atau bukan...ini kerana banyak orang Melayu yang berhutang tetapi tidak mahu membayar hutang seperti hutang Mara," katanya semasa merasmikan mesyuarat agung tahunan ke-30 Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Kuala Lumpur di sini hari ini.

Dr Mahathir, yang juga Grand Fellow dewan itu, berkata masalah berhutang di kalangan peniaga Melayu timbul kerana mereka kekurangan modal tetapi mempunyai cita-cita besar.

"Kalau mereka ada modal RM1,000, mereka nak buat projek RM10,000, kalau modal RM10,000 nak buat RM100,000 dan kalau modal RM100,000 nak buat projek RM1 juta," katanya.

Dr Mahathir berkata peniaga Melayu juga perlu pandai menjaga reputasi sebagai peniaga yang boleh dipegang janji.

"Sekiranya tidak mampu melaksanakan sesuatu kontrak, jangan ambil kontrak itu. Kalau boleh buat, baru buat. Kalau tidak jangan ambil dan kemudian jual kontrak itu kepada orang lain," katanya.

Beliau berkata orang lain akan mempercayai orang Melayu sekiranya reputasi kerja mereka sudah mendapat kepercayaan.

Dr Mahathir juga menasihatkan orang Melayu agar tidak menipu untuk berjaya dalam perniagaan.

"Tidak dinafikan ramai berjaya kerana menipu tetapi menipu tidak akan membawa kejayaan selama-lamanya," katanya.

-- BERNAMA

HM AAM ZS MAI